



KENYATAAN AKHBAR

UNTUK KELUARAN SEGERA

Futurise Melancarkan Dronecubator Dengan Kerjasama UKM

Bangi, 13hb Januari – Futurise dengan bangganya mengumumkan pelancaran program Dronecubator di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Majlis pelancaran itu disempurnakan hari ini oleh Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Maslan. Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Akademi Kecemerlangan Sukan Dron Kebangsaan (AKSADRON) yang pertama kali diumumkan dalam Bajet 2022, selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

Program Dronecubator bertujuan menyediakan platform untuk pelajar di peringkat universiti dan sekolah menengah untuk memulakan sukan dan teknologi dron. Dengan menggunakan sukan dron sebagai pendekatan, program ini akan membolehkan peserta mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam reka bentuk dron, membina, memandu dan menyelenggara. Program ini menyokong modul STEM dan TVET semasa dan berusaha untuk meningkatkan populasi juruterbang dan juruteknik sukan dron di negara ini.

Fasa perintis semasa akan melibatkan 200 pelajar selama 3 bulan di 4 universiti awam dan sekolah menengah terpilih. Universiti tersebut ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Program Dronecubator akan menampilkan jurulatih dari Persekutuan Sukan Udara Malaysia (MSAF) untuk menyampaikan modul latihan dan pelajar yang mengambil bahagian akan didedahkan semua kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk cemerlang dalam sukan dron, acara dan pertandingan ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Maslan dalam ucapannya pada majlis pelancaran itu menyatakan, "Program DroneCubator mewakili satu langkah penting ke hadapan dalam memupuk kesedaran dan bakat yang lebih luas untuk industri dron di Malaysia walaupun kita menghadapi cabaran Industri 4.0 secara berterusan. Dengan sokongan Futurise, institusi pendidikan dan organisasi seperti MSAF, kami berharap dapat memupuk generasi akan datang pakar dron, atlet dan usahawan."

Timbalan Menteri Kewangan 1 itu seterusnya berkata, "AKSADRON akan menjadi pemain utama dalam landskap terbaharu ini dengan menyediakan platform untuk atlet dan jurutera dron untuk meningkatkan teknologi dron. Ini adalah sukan di mana anak tempatan kita berpotensi bersaing di peringkat antarabangsa, selain membangunkan kemahiran dalam teknologi dron."

Sepanjang tahun 2022, Futurise telah secara aktif memupuk persekitaran sukan dron melalui program AKSADRON melalui perkongsian dengan badan negeri dan industri, berpaksi pada pembangunan sukan dron untuk menarik bakat tempatan ke dalam sektor teknologi dron. Majlis pecah tanah untuk membangunkan pusat sukan dron pertama Malaysia telah dilancarkan pada Mac 2022 di Paya Besar, Pahang. Dianggarkan siap tahun ini, AKSADRON akan menampilkan arena seluas 1.27 hektar untuk penerbangan dron berprestasi tinggi dan kemudahan untuk latihan dron dan bengkel teknikal.

UKM sebagai salah satu rakan akademik akan menyediakan makmal pengajaran dan latihan industri bernama DroneCubator-MakerXLab yang berpusat di Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia atau MyRIVET Satelit, serta menubuhkan Kelab Drone & Futuristik untuk pelajar UKM.

Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, Rosihan Zain Baharudin, menambah, "Kami sangat teruja untuk melancarkan program DroneCubator hari ini di UKM, salah satu universiti terkemuka di Malaysia. Kerjasama antara pihak berkepentingan industri dan universiti seperti ini diperlukan untuk memacu ekosistem yang dinamik untuk sukan dron yang baru muncul dan pembangunan keseluruhan teknologi dron di negara ini. Kami percaya bahawa dengan menyediakan pelajar lebih akses kepada teknologi dan kepakaran terkini, kami boleh membantu memacu bakat dan inovasi dalam industri dron. Kami mempunyai keyakinan bahawa golongan belia kita mempunyai keupayaan untuk mencapai banyak kejayaan dalam sektor ini".

Beliau juga menambah, "Berkenaan dengan sukan dron, kami yakin bahawa belia Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi juruterbang sukan dron bertaraf dunia suatu hari nanti dalam masa terdekat dan memartabatkan nama Malaysia di persada dunia.

Bagi tujuan ini, Futurise sudah pun bekerjasama dengan rakan kongsi seperti Institut Sukan Negara, MSAF dan Drone Racing Association Malaysia (DRAM) dalam mengetuai pemegang kepentingan sukan dron ke arah mewujudkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Sukan Dron Negara, yang kami harap akan melakar laluan ke hadapan untuk sukan dron.”

Menurut Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia, potensi ekonomi Malaysia untuk teknologi dron bernilai USD\$12.13 bilion, 4.3% daripada pasaran global.”

-TAMAT-

Mengenai Futurise

Futurise ialah anak syarikat milik penuh Cyberview Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan.

Futurise diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menguruskan Sandbox Kawal Selia Negara (NRS). Futurise menyediakan khidmat nasihat dasar awam, bertindak sebagai pemboleh utama penyelesaian kawal selia bagi mempercepatkan inovasi dan ekonomi Malaysia masa hadapan.

NRS menyediakan pendekatan pandangan ke hadapan terhadap peraturan, membantu mengurangkan halangan dengan mewujudkan persekitaran ujian pengawalseliaan terkawal. Inisiatif ini juga akan membantu kerajaan lebih memahami kepentingan kesan teknologi untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan berdasarkan prinsip 'intervensi dasar dipacu data'.

Ikuti media sosial Futurise for berita terkini:

FB: <https://www.facebook.com/futurise.cyberjaya>

Instagram: <https://www.instagram.com/futurisecyberjaya/?hl=en>

Linkedin: <https://www.linkedin.com/company/futurise/>

Twitter: <https://twitter.com/futurisecyber?lang=en>

Bagi pertanyaan media, sila hubungi

Azrita Abdul Kadir

azrita@futurise.com.my

+6012 238 5664